

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 59

Manniz mendaftarkan perniagaan dobinya di bawah nama Quicky Laundry. Berikut adalah urus-urus niaga yang telah berlaku dalam bulan yang pertama operasi perniagaan:

1. Depositkan RM20,000 ke dalam akaun bank perniagaan sebagai modalnya.
2. Membeli dua mesin pembasuh berjumlah RM12,000. Bayaran sebanyak RM8,000 telah dibuat dengan cek dan bakinya akan dibayar dalam tempoh dua bulan.
3. Membeli peralatan kedai RM2,000 dengan cek.
4. Memindahkan RM500 dari bank untuk kegunaan pejabat.
5. Membeli bekalan dobi secara tunai RM300.
6. Membayar sewa kedai RM1,000 dengan cek.
7. Menerima hasil perkhidmatan dobi RM1,200 tunai.
8. Membayar upah pembantu kedai RM500 tunai.
9. Memperoleh kontrak perkhidmatan dobi dari Hospital BM berjumlah RM2,000 se bulan.
10. Memberi perkhidmatan dobi kepada Hospital BM berjumlah RM480 yang akan dibayar pada bulan berikut.
11. Manniz mengeluarkan tunai RM150 untuk kegunaan sendiri.
12. Inventori bekalan dobi pada akhir bulan ialah RM60.

Dikehendaki:

Dengan menggunakan satu jadual persamaan perakaunan, tunjukkan kesan setiap urus niaga atas akaun-akaun yang berkaitan dan sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Quicky Laundry pada akhir bulan yang pertama.